

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 23/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 13

Tajuk : Guru cetus minat sertai koperasi

# Guru cetus minat sertai koperasi

Oleh **ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN**

utusan@utusan.com.my

**S**EBUT sahaja nama Datuk Abdul Fattah Abdullah, ramai yang mengenalinya sebagai individu yang aktif dalam gerakan koperasi dan kini merupakan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).

Namun tidak ramai mengetahui beliau terlibat dalam koperasi sejak di bangku sekolah dan minatnya itu dicetuskan oleh dua gurunya semasa belajar di Sekolah Menengah Clifford di Lipis, Pahang.

Abdul Fattah berkata, pesan dan dorongan dua gurunya iaitu Hashim Sidek serta Datin Rogayah Omar ketika dia belajar di tingkatan empat hingga enam di sekolah berkenaan sekitar tahun 70-an membawa makna besar dalam kehidupannya hari ini.

"Mereka berpesan supaya melibatkan diri dalam koperasi. Jika berjaya memimpin koperasi, saya boleh menjadi seorang pemimpin berkesan.

"Alhamdulillah, berkat pesan itu saya berjaya menjadi

wakil rakyat selama sepenggal dan saya tidak sangka menjadi Presiden Angkasa sehingga kini," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Tengku dari tahun 1995 hingga 1999 dan sebagai Presiden Angkasa dari 2013 hingga kini.

Beliau turut memegang jawatan Presiden Organisasi Koperasi ASEAN dan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Rantau Asia Pasifik.

Menurut Abdul Fattah, penglibatannya dalam gerakan koperasi sejak bangku sekolah memberikan banyak ilmu khususnya dalam menjayakan perniagaan

**KUMPULAN  
UTUSAN**  
*#TerimaKasihCikgu*

dan kepemimpinan.

Katanya, memimpin koperasi membuatnya berasa bertanggungjawab memastikan ke-

jayaan gerakan itu demi kebajikan ahli.

"Saya menasihatkan kepada pelajar-pelajar sekolah supaya bergiat dalam koperasi kerana

ia akan dapat membentuk kita menjadi pemimpin dan mencapai kejayaan dalam kehidupan," ujarnya.



**ABDUL FATTAH ABDULLAH (kanan) memukul gong sebagai simbolik merasmikan Hari Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Clifford di Lipis, Pahang, baru-baru ini.**